



KUMPULAN YAYASAN SABAH

Menara Tun Mustapha
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah
Teluk Likas, Peti Surat 11623
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mail: ysinfo@ysnet.org.my

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02371

SIARAN MEDIA

[MEDIA RELEASE/STATEMENT]

UNTUK SIARAN SEGERA

21 Mei 2024

BENKEL PERPUSTAKAAN OPAC & u-PUSTAKA TINGKATKAN LITERASI MAKLUMAT PARA PELAJAR

Kota Kinabalu (Selasa) : Kumpulan Yayasan Sabah melalui Pejabat Zon Pantai Barat Utara dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens menganjurkan Bengkel Perpustakaan Online Public Access Catalogue (OPAC) dan u-Pustaka pada 21 Mei 2024 di SMK Pekan II, Kota Belud. Seramai 51 orang pelajar dari sembilan sekolah sekitar daerah Kota Belud telah menyertai bengkel tersebut.

Objektif utama bengkel tersebut ialah membantu meningkatkan literasi maklumat dan literasi asas pencarian maklumat dalam perpustakaan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan perpustakaan. Di samping itu, bengkel ini juga sebagai persediaan awal kepada para pelajar tingkatan lima dan enam yang akan melanjutkan pengajian diperingkat lebih tinggi kelak.

Majlis penutupan disempurnakan oleh Ketua Penyelaras Pentadbiran Zon, Kumpulan Yayasan Sabah, Encik Zulkhairi Haji Ismail. Turut hadir Pegawai Pendidikan Daerah Kota Belud, Dr. Japran bin Haji Kusin, Pengetua SMK Pekan II, Kota Belud, Encik Jainol bin Sahir dan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Encik Zainudin Saridi.



Pix 1: Taklimat bengkel disampaikan oleh Pustakawan, Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Puan Joan Sibin.



Pix2 : Latihan praktikal para pelajar menggunakan OPAC.



Pix 3: Encik Zulkhairi (tiga, kiri) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta. Disaksikan oleh Dr. Japran (tiga, kanan), Encik Jainol (dua, kiri), Encik Zainudin (kiri) dan Ketua Pentadbir Zon, Zon Pantai Barat Utara, Kumpulan Yayasan Sabah, Encik Adman Haji Samat (kiri).



Pix 4 : Gambar berkumpulan.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi :

Sam S. Karnail
Pengurus Kumpulan
Bahagian Komunikasi Korporat
Kumpulan Yayasan Sabah
Tel : 088-326448
Faks : 088-421526/088-326424
Emel : ynwaskarnail@gmail.com